


UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

<p>Kenyataan Akhbar <i>Press Release</i></p> <p>The logo consists of the text "UNIMAS" at the top, "30 years" in large red numbers in the center, and "Crossing frontiers 1992-2022" at the bottom.</p> <p>8 Februari 2023</p> <p>Bahagian Canselor Universiti Malaysia Sarawak 94300 Kota Samarahan Tel +60 82 581216 Fax +60 82 665088 Email: balhadi@unimas.my</p>	<p>UNIMAS laksanakan tanggungjawab sosial dengan naik taraf kemudahan ICT di SK Jalan Deshon Sibu</p> <p>SIBU, 4 Februari 2023: Keperluan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lengkap menjadi salah satu tunjang untuk membantu sekolah memastikan kemenjadian murid-murid serta penyampaian pengajaran dan pembelajaran tercapai.</p> <p>Atas dasar tersebut, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Sibu untuk mengadakan program tanggungjawab sosial universiti (USR) di SK Jalan Deshon, Sibu.</p> <p>Program yang dilaksanakan berfokus kepada penyediaan serta naik taraf kemudahan ICT yang sedia ada. Selain itu, program komuniti ini juga telah menjalankan perluasan capaian wifi ke semua blok bangunan sekolah dengan menambah perkakasan rangkaian di sekolah tersebut. Sebelum ini, capaian internet di sekolah tersebut hanya terhad di blok pentadbiran sahaja.</p> <p>Naib Canselor UNIMAS, Prof. Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi berkata, dengan pemasangan peranti wifi secara percuma di SK Deshon, kini sekolah tersebut mempunyai akses penuh di semua lokasi di kawasan sekolah. Usaha ini ternyata amat ditunggu dan mendapat sambutan baik daripada warga sekolah apabila pengajaran dalam talian khususnya buat 45 pelajar khas di sekolah tersebut kini dikendalikan dengan lebih baik melalui sesi pengajaran secara interaktif, dalam talian.</p> <p>Selain itu juga, komputer-komputer makmal yang usang telah dinaik taraf dan dipasang dengan sistem pengoperasian yang sesuai untuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.</p> <p>Sejajar dengan keperluan sesi dalam talian yang semakin meningkat, UNIMAS turut menyumbangkan kemudahan sidang video di sekolah tersebut. Dengan adanya kemudahan ini, pihak sekolah dapat memanfaatkannya bagi tujuan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Dalam masa yang sama, program tanggungjawab sosial universiti (USR) ini turut melibatkan penyertaan 15 orang murid Tahun 6 yang mengikuti bengkel <i>Let's Create Games Using Scratch</i>. Di dalam sesi tersebut, para peserta telah berjaya membuat pengaturcaraan dan menghasilkan permainan komputer.</p> <p>Guru Besar SK Jalan Deshon, En. Abang Khadari Abang Bolhassan merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak UNIMAS kerana memilih sekolah tersebut sebagai lokasi program. "Saya amat gembira kerana usaha ini telah menampakkan impak positif kepada pihak sekolah, khususnya para guru dan murid sangat teruja untuk menggunakanannya. Saya berharap dengan adanya program seumpama ini dapat diteruskan SK Jalan Deshon</p>
---	---

sebagai satu *success story* dan menjadi contoh untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah lain."

Hadir sama di dalam program tersebut ialah Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Panglima Sulong bin Matjeraie, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof Dr. Ahmad Hata Rasit, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sibu, En. Jerome Harry, serta ahli-ahli Majlis Dekan UNIMAS.

Aktiviti ICT tersebut telah dilaksanakan oleh staf Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat. Selain itu, ahli-ahli Majlis Dekan UNIMAS turut mengambil peluang menyertai aktiviti mengecat parkir sekolah, membersih dan mengemas persekitaran sekolah.

U N I M A S